



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**SURAT PEKELILING AM BILANGAN 1 TAHUN 2016**

---

**TATACARA PERMOHONAN BARU/PENUKARAN PAKAIAN  
SERAGAM DAN PAKAIAN ISTIADAT KAKITANGAN KERAJAAN  
DAN BADAN BERKANUN**

**JABATAN PERDANA MENTERI**

**31 MAC 2016**

Dikelilingkan kepada:

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun



**JABATAN PERDANA MENTERI  
KOMPLEKS JABATAN PERDANA MENTERI  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62502 PUTRAJAYA**

Telefon : 03-8000 8000  
Faks : 03-8888 3940  
Laman Web : <http://www.istiadat.gov.my>

Ruj. Kami : BIUPA.300-2/6/1 Jld.3(35)  
Tarikh : 31 Mac 2016

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun

---

## **SURAT PEKELILING AM BILANGAN 1 TAHUN 2016**

---

### **TATACARA PERMOHONAN BARU/PENUKARAN PAKAIAN SERAGAM DAN PAKAIAN ISTIADAT KAKITANGAN KERAJAAN DAN BADAN BERKANUN**

#### **TUJUAN**

Surat Pekeliling Am ini bertujuan memaklumkan penetapan garis panduan berhubung tatacara permohonan bagi mewujudkan pakaian seragam dan pakaian istiadat baru atau penukaran reka bentuk, warna serta komponen pakaian seragam dan pakaian istiadat sedia ada bagi Kakitangan Kerajaan dan Badan-badan Berkanun.

## **TAFSIRAN**

2. Tafsiran bagi maksud Surat Pekeliling Am adalah seperti berikut:

### **2.1 Pakaian seragam**

bermaksud semua bentuk baju, seluar dan kain yang dipakai oleh Kakitangan Kerajaan dan Badan-badan Berkanun mengikut peraturan yang ditetapkan berhubung kelayakan kecuali pakaian korporat berdasarkan surat edaran Kementerian Kewangan bertarikh 7 Disember 2012 (SK.6/2012)(47).

### **2.2 Pakaian istiadat**

Bermaksud pakaian khas untuk Kakitangan Kerajaan dan Badan Berkanun yang layak memakainya bagi menghadiri majlis rasmi beristiadat.

### **2.2 Komponen**

bermaksud apa-apa barang untuk dipakai pada pakaian seragam yang tanpanya pakaian seragam itu dianggap sebagai tidak lengkap mengikut prosedur perolehan yang berkuat kuasa.

## **LATAR BELAKANG**

3. Mesyuarat Ketua-ketua Jabatan Persekutuan pada 19 Disember 1982 telah memutuskan bahawa perlu ditubuhkan sebuah jawatankuasa bagi membuat penyelarasan mengenai pewujudan pakaian seragam untuk Kakitangan Kerajaan dan Badan-Badan

Berkanun. Sehubungan dengan itu, Surat Pekeliling Am Bilangan 4 Tahun 1983: "Penyelarasan Pakaian Seragam Kakitangan Kerajaan dan Badan-Badan Berkanun" telah dikeluarkan dan diguna pakai oleh Kementerian/Jabatan/ Agensi/Badan Berkanun sebagai garis panduan untuk mengemukakan permohonan bagi mewujudkan atau menukar reka bentuk, warna serta komponen pakaian seragam sedia ada.

#### **JAWATANKUASA**

4. Ahli-ahli Jawatankuasa Pakaian Seragam terdiri daripada Kementerian/Jabatan seperti berikut:

- i. Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa (urus setia);
- ii. Jabatan Perkhidmatan Awam;
- iii. Kementerian Kewangan;
- iv. Angkatan Tentera Malaysia;
- v. Polis Diraja Malaysia;
- vi. Jabatan Penjara; dan
- vii. Jabatan Bomba dan Penyelamat.

5. Jawatankuasa ini walau bagaimanapun, boleh menjemput mana-mana Kementerian/Jabatan/Agensi/Badan Berkanun yang berkaitan untuk turut hadir sekiranya diperlukan.

6. Terma rujukan Jawatankuasa ini adalah untuk menimbang meluluskan dan memberi maklum balas terhadap mana-mana permohonan baru dan penukaran pakaian seragam daripada segi reka bentuk, warna dan komponen. Melalui pindaan Surat Pekeliling ini,

terma rujukan Jawatankuasa ini turut ditambah meliputi semua permohonan melibatkan pakaian istiadat.

## **TATACARA PERMOHONAN**

7. Kementerian/Jabatan/ Badan Berkanun yang berhasrat membuat permohonan baru/pertukaran reka bentuk, warna dan komponen pakaian seragam/istiadat perlu mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada pengurusan tertinggi Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun. Seterusnya, permohonan hendaklah dihantar kepada Bahagian Saraan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Bahagian Dasar Saraan, Kementerian Kewangan. Setelah mendapat kelulusan daripada JPA dan Kementerian Kewangan, permohonan perlu dihantar ke Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa (BIUPA), Jabatan Perdana Menteri bersama dengan surat kelulusan JPA dan Kementerian Kewangan. Pihak Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun boleh merujuk kepada carta alir seperti di **Lampiran A** sebagai panduan.

## **PEMAKAIAN**

8. Surat Pekeliling Am ini tertakluk kepada penerimaannya oleh Kementerian, Jabatan Persekutuan dan Badan Berkanun masing-masing. Peruntukan Surat Pekeliling Am ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada Pihak Berkuasa Negeri.

## **TARIKH KUAT KUASA**

9. Surat Pekeliling Am ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

## PEMBATALAN

10. Dengan berkuat kuasanya Surat Pekeliling Am ini, Surat Pekeliling Am Bilangan 4 Tahun 1983 dibatalkan.

## PERTANYAAN

11. Sebarang pertanyaan mengenai Surat Pekeliling Am ini boleh berhubung dengan:

Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa  
Jabatan Perdana Menteri  
Aras 5-6, Blok B3  
Kompleks Jabatan Perdana Menteri  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62502 PUTRAJAYA, MALAYSIA**

No. Tel. : 03-8000 8000  
No. Faks : 03-8888 3940  
Emel : [webadmin@istiadat.gov.my](mailto:webadmin@istiadat.gov.my)

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(TAN SRI DR. ALI BIN HAMSA)**

Ketua Setiausaha Negara

31 Mac 2016

**CARTA ALIR: PERMOHONAN BARU/PENUKARAN PAKAIAN SERAGAM DAN PAKAIAN ISTIADAT KAKITANGAN KERAJAAN DAN BADAN BERKANUN**

